

KAJIAN PEMBIAKAN IKAN KELI AFRIKA (*Clarias gariepinus*) DENGAN
MENGUNAKAN PITUITARI LAMPAN SUNGAI (*Puntius schwannefeldii*)

SARINA BINTI MAT SAN

FAKULTI SAINS GUNAAN DAN TEKNOLOGI
UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA TERENGGANU
TERENGGANU

1998

1100024087

LP 28 FSGT 1 1998



1100024087

Kajian pembiakan ikan keli Afrika (*Clarias gariepinus*) dengan menggunakan Pituitari Lampan Sungai (*Puntius schwanenfeldii*) / Sarina Mat Sam.

PERPUSTAKAAN

KOLEJ UNIVERSITI SAINS & TEKNOLOGI MALAYSIA
21030 KUALA TERENGGANU

1100024087		

Lihat sebelah

HAK MILIK
PERPUSTAKAAN KUSTEM

LP
28
FSGT
1
1998

KAJIAN PEMBIAKAN IKAN KELI AFRIKA (*Clarias gariepinus*) DENGAN
MENGUNAKAN PITUITARI LAMPAM SUNGAI (*Puntius schwanenfeldii*)

Oleh :

SARINA BINTI MAT SAN

Laporan projek ini merupakan sebahagian daripada keperluan untuk
mendapatkan Ijazah Bacelor Sains Perikanan (Akuakultur)

Fakulti Sains Gunaan dan Teknologi
UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA TERENGGANU
TERENGGANU

1998

1100024087

Buat yang istimewa.....

Ayah dan Mak.....

Doa restu mengiringi kejayaanku

Kakak dan keluarga.....

Tunjukajar dan bimbinganmu menguatkan semangatku

Abang tersayang.....

Terimakasih diatas sokongan dan kasih sayangmu

Zuzue, Sue, Zozoe (roomate), Sha, Ila, Jun, Guen.....

Tanpa kalian membuatkan ku sepi

Terima kasih kuucapkan pada kalian.....

PENGHARGAAN

Alhamdulillah, syukur kehadiran Allah yang Maha Pengasih dan Maha Penyayang dengan limpah dan rahmatNya dapat jua saya menyempurnakan Projek Tahun Akhir ini.

Setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih yang tak terhingga kepada Tuan Hj. Umar B. Salleh dan Dr. Abol Munafi Ambok Bolong selaku penyelia yang banyak memberi tunjuk ajar dan nasihat yang berguna kepada saya di dalam menyiapkan projek ini.

Disamping itu, setinggi penghargaan ditujukan kepada kakitangan Universiti Putra Malaysia Terengganu terutama kepada Kakitangan netloft khususnya, En. Fadhil dan En. Manaf serta kakitangan hatcheri Air Tawar dan Puan Kartini yang banyak membantu dan menyediakan kemudahan serta tunjuk ajar bagi memudahkan perjalanan projek ini.

Juga tidak lupa, saya mengucapkan terima kasih kepada semua rakan-rakan seperjuangan terutama Julaihi, Halimi dan Norman yang telah banyak membantu dalam menjayakan projek ini.

Selawat dan salam ke atas jungjungan besar Nabi Muhammad s.a.w dan para sahabat. Semoga Allah SWT memberkati dan memberikan rahmatnya kepada semua.

ABSTRAK

Sejumlah 3 dos suntikan telah digunakan untuk menentukan keberkesanan hormon pituitari lampam sungai (*Puntius schwanenfeldii*) dalam pembiakan ikan keli Afrika (*Clarias gariepinus*). Sebagai pembandingan hormon pituitari ikan keli Afrika dan ovaprim telah digunakan. Sebanyak 9 pasang induk telah digunakan dengan menggunakan pituitari lampam sungai (*Puntius schwanenfeldii*) dan 6 pasang induk menggunakan hormon pituitari keli dan ovaprim. Suntikan menggunakan pituitari lampam sungai berdasarkan nisbah berat penerima dan penderma iaitu 1:1, 1:2 dan 1:3, manakala nisbah 1:1 untuk pituitari keli dan 1:0.5 untuk ovaprim. Min garis pusat telur pra-suntikan bagi setiap rawatan tidak menunjukkan perbezaan yang bererti untuk setiap induk ($p > 0.05$). Induk yang diberi suntikan pituitari lampam sungai tidak menunjukkan perkembangan ovulasi. Untuk suntikan hormon pituitari keli dan ovaprim, min garis pusat telur semasa ovulasi masing-masing adalah berjulat diantara 1.53 ± 0.01 mm hingga 1.69 ± 0.01 mm dan 1.51 ± 0.01 mm hingga 1.60 ± 0.01 mm. Kadar persenyawaan dan kadar penetasan bagi suntikan hormon pituitari lampam sungai memberikan keputusan yang negatif. Manakala kadar persenyawaan dan kadar penetasan bagi suntikan hormon pituitari keli masing-masing berjulat antara 55.6 - 92.3% dan 48.6 - 72.3%. Kadar persenyawaan dan kadar penetasan bagi suntikan ovaprim adalah berjulat antara 95.0 - 96.0% dan 71.6 - 83.6%. Kadar hidup larva bagi suntikan kelenjar pituitari keli adalah berjulat diantara 94 - 100% dan suntikan ovaprim berjulat diantara 82.3 - 100%.

ABSTRACT

A total of 3 dosages of injection were used to determine the effectiveness of the pituitary hormone of the Lampam Sungai (Puntius schwanenfeldii) for the spawning of African catfish (Clarias gariepinus). Pituitary hormone of the African catfish and ovaprim used as control in this study. 9 pair of breeders were tested on the pituitary of Lampam Sungai (Puntius schwanenfeldii) while another 6 pair of breeders were injected with pituitary preparation of African catfish and ovaprim. The injection dosages of pituitary Lampam Sungai were based on the weight ratio of receiver and donor. 3 dosage used are 1:1, 1:2 and 1:3 based on the weight ratio. Whereas injection dosage of pituitary African catfish was 1:1 ratio and for ovaprim, 1:0.5 ml/kg. Mean diameter of pre-injection egg for all dosage did not show any significant for all breeders ($p > 0.05$). Breeders given pituitary of Lampam Sungai also did not show any ovulation development. Mean diameter of catfish eggs injected with pituitary hormone and ovaprim, range between 1.53 ± 0.01 mm to 1.69 ± 0.01 mm and 1.51 ± 0.01 mm to 1.60 ± 0.01 mm respectively. Rate of fertilization and hatching following pituitary hormone injection of Lampam Sungai showed a negative result or response. While rate of fertilization and hatching from preparation pituitary hormone injection of African catfish range between 55.6 – 92.3 % and 48.6 – 72.3 % respectively. Rate of fertilization and hatching following ovaprim injection range between 95.0 – 96.0 % and 71.6 – 83.6 %. Survival rates of larvae for preparation pituitary hormone injection of African catfish range between 94 – 100% and 82.3 – 100 % for ovaprim.